

Faktor Keharmonian dan Keruntuhan Rumah Tangga

Fadillah Ismail
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan
Universiti Tun Hussien Onn Malaysia
fadillah@uthm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi keharmonian dan keruntuhan rumah tangga. Seramai 1,000 orang responden kajian dipilih secara rawak dengan menggunakan kaedah tinjauan (survey) melalui soal selidik yang dibangunkan. Soal selidik ini diedarkan oleh para pembanci (enumerator) yang terlatih menerusi pertemuan bersemuka. Soal selidik ini mempunyai tahap kebolehppercayaan yang tinggi berdasar nilai alpha cronbach yang diperolehi. Dapatan kajian menunjukkan faktor kewangan, faktor komunikasi dan pengurusan konflik mempunyai hubungan yang kuat dalam menjelaskan punca keharmonian dan keruntuhan rumah tangga, walaubagaimana pun ia berada pada tahap yang rendah. Justeru, pihak berkenaan perlu mengambil beberapa langkah komprehensif dan sistematik dalam menangani isu keruntuhan dan keharmonian rumah tangga.

Katakunci: keharmonian dan keruntuhan rumah tangga

ABSTRACT

This study focuses on the factors that affect the harmony and the failure of marriage. A total of 1,000 respondents were chosen randomly. This research used survey methods through developed questionnaires. The questionnaires were distributed by trained enumerators through face to face meetings. This questionnaire has high reliability based on the obtained Cronbach Alpha values. The findings showed that the financial factor, communication factor and conflict management factor have strong relationships in explaining the cause of harmony and breakups, however it is at a low level. Thus, the related parties should take comprehensive and systematic measure in addressing the issue of failure and marriage harmony.

Keywords: harmony and the failure of marriage

PENGENALAN

Statistik perceraian yang berlaku di Malaysia menunjukkan beberapa ciri yang membimbangkan. Pertama, kajian yang dijalankan oleh penyelidik HELP University College melaporkan kadar perceraian di Malaysia telah meningkat sebanyak 105% iaitu dari 16,013 pada tahun 2002 kepada 32,763 pada tahun 2009. Kedua, statistik perceraian juga menunjukkan jumlah perceraian dalam kalangan pasangan muslim adalah lebih tinggi berbanding dengan bukan muslim (JAKIM). Sungguh pun jumlah ini dipengaruhi oleh jumlah perkahwinan dan komposisi kaum di negara ini, namun angka ini tetap membimbangkan. Tambahan pula, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melaporkan pada tahun 2009 berlaku satu perceraian pada setiap 15 minit dalam kalangan umat Islam. Kadar ini semakin bertambah mengikut peningkatan tahun demi tahun. Jakim juga ada membuat melaporkan bahawa 32.2% perkahwinan untuk tempoh lima tahun pertama mengalami perceraian manakala 27.7% perceraian berlaku untuk tempoh enam hingga 10 tahun pertama perkahwinan.

Memandangkan perceraian boleh membawa implikasi serius ke atas institusi keluarga seperti keretakan hubungan antara dua keluarga, menyumbang kepada berlakunya gejala-gejala sosial dalam masyarakat dan anak-anak terabai, satu jawapan kepada persoalan perceraian perlu dicari. Penyelidikan secara ilmiah untuk mendapat data-data dan maklumat yang sah yang boleh digunakan untuk merancang dan membuat tindakan strategik untuk jangka pendek dan jangka panjang harus dilaksanakan.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian tinjauan dimana pengumpulan data kajian dibuat dengan menggunakan borang soal selidik yang dibina khusus bagi kajian ini berdasarkan objektif kajian. Enumerator terlatih dalam kalangan pelajar universiti digunakan untuk menemubual responden menggunakan borang soal selidik bagi mengumpulkan data kajian. Populasi kajian adalah melibatkan penduduk di negeri XYZ yang telah berkahwin. Seramai 1,000 responden akan dipilih secara persampelan bukan rawak (non-probability sampling).

DAPATAN KAJIAN

Faktor-faktor yang menyebabkan perceraian dalam kalangan pasangan suami isteri.

Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi perceraian dalam kalangan suami isteri di negeri XYZ. Antara faktor yang agak penting ialah faktor pengurusan konflik ($M=3.03$), komunikasi ($M=2.86$), dan ikatan kekeluargaan ($M=2.80$). Terdapat juga faktor-faktor lain yang dikaitkan dengan perceraian. Antaranya pengurusan kewangan ($M=2.74$), penderaan mental dan fizikal 2.56, kesetiaan ($M=2.71$) dan masalah seksual ($M=2.41$). Namun demikian, hampir keseluruhan faktor yang mempengaruhi perceraian adalah pada tahap sederhana. Jelasnya fenomena kebahagiaan dan keruntuhan dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Hal ini tergambar dengan nilai min keseluruhan iaitu 2.78 di mana tahap ke setujuan responden berada pada tahap sederhana.

Daripada perspektif faktor komunikasi, terdapat beberapa elemen yang menyumbang kepada perceraian. Antara item-item yang menyumbang kepada tahap ke setujuan yang tinggi ialah tidak memberi hadiah kepada pasangan ($M=3.11$), tidak memuji pasangan ($M=2.98$) dan tidak memahami pasangan ($M=2.85$). Kita boleh membuat kesimpulan bahawa item yang disebutkan merupakan elemen yang berkaitan tindakan pasangan yang tidak membuat sesuatu yang positif ke atas pasangan mereka. Selain itu, terdapat juga faktor-faktor komunikasi yang lain sepertimana item tidak berterus terang ($M=2.83$), tidak memberi teguran berhemah ($M=2.84$), tidak memberi ruang untuk berbincang ($M=2.77$) dan suka menyalahkan pasangan ($M=2.74$). Min keseluruhan faktor komunikasi ialah 2.86.

Pengurusan kewangan juga merupakan antara faktor yang menyumbang kepada perceraian dalam kalangan suami isteri di negeri XYZ. Namun demikian, hampir kesemua item menunjukkan tahap sederhana. Item-item tersebut ialah tidak menabung ($M=2.98$), tidak merancang perbelanjaan keluarga ($M=2.85$), berbelanja dengan boros ($M=2.73$), minta sesuatu di luar kemampuan pasangan ($M=2.70$), kedekut dalam pelbagai perkara ($M=2.63$) dan berhutang yang melampau ($M=2.55$). Dalam konteks kebahagiaan keluarga, sewajarnya aspek pengurusan kewangan diambil perhatian oleh semua pihak. Kebahagiaan dan keharmonian sesebuah keluarga juga mempunyai hubungan dengan kejayaan mengurus kewangan keluarga. Min keseluruhan bagi faktor pengurusan kewangan ialah 2.74 yang berada pada tahap sederhana.

Perceraian yang berlaku dalam kalangan suami isteri juga disebabkan oleh faktor penderaan mental dan fizikal. Fenomena ini disokong oleh dapatan kajian ini. Antara item yang paling tinggi nilai min yang dikaitkan dengan penderaan mental dan fizikal ialah suka memuji orang lain di depan pasangan ($M=3.64$). Namun begitu, item-item lain juga dikaitkan penderaan fizikal dan mental iaitu memaki hamun pasangan ($M=2.50$), mengurung tanpa kerelaannya ($M=2.48$), suka memaksa ($M=2.47$) dan meletakkan pasangan dalam keadaan ketakutan (2.45). Selain daripada itu, terdapat juga item yang menuduh pasangan tanpa usul periksa ($M=2.38$), tidak menyokong pasangan dalam pelbagai hal ($M=2.36$), memburukkan pasangan di depan orang lain ($M=2.35$), dan menyebabkan kecederaan fizikal kepada pasangan ($M=2.38$). Ini menunjukkan terdapat elemen keganasan rumah tangga yang menyumbang kepada perceraian dalam kalangan suami isteri.

Kajian ini juga memfokuskan tentang faktor ikatan kekeluargaan yang menyumbang kepada gejala perceraian dalam kalangan suami isteri. Item yang berkaitan tidak bertolak ansur menyumbang nilai min yang paling tinggi iaitu 3.04). Manakala item tidak mengekalkan hubungan mesra dengan mertua dan tidak ambil berat penampilan diri masing-masing mempunyai nilai min yang sama iaitu 2.88, dan item tidak bertolak ansur ($M=2.87$). Dapatan kajian juga menunjukkan item yang lain menunjukkan tahap kesetujuan agak rendah iaitu tidak makan bersama ($M=2.74$), bersikap lepas tangan dalam urusan rumah tangga ($M=2.72$) dan banyak membazir masa dengan ICT ($M=2.49$).

Pengurusan konflik juga merupakan elemen yang dikaji dalam penyelidikan ini. Dapatan kajian menunjukkan item-item dalam pengurusan konflik menunjukkan responden memberi maklum balas yang jelas walaupun berada pada tahap sederhana. Antaranya ialah item tidak merujuk kaunselor/pendamai untuk selesaikan masalah ($M=3.73$), tidak menghindari sifat ego yang melampau

($M=3.21$), tidak berusaha mengawal emosi ($M=3.14$) dan tidak memujuk pasangan ($M=3.00$). Keempat-empat item tersebut menyumbang kepada nilai min yang tinggi. Namun demikian, terdapat juga nilai min item yang rendah iaitu tidak peka terhadap masalah keluarga ($M=2.84$), tidak sentiasa memaafkan pasangan ($M=2.83$) dan mudah berputus asa sekiranya berlaku masalah ($M=2.48$).

Kajian juga memfokuskan aspek kesetiaan. Hal ini penting bagi pengkaji mendapat maklum balas daripada responden untuk melihat sejauh mana faktor kesetiaan mempengaruhi kecenderungan untuk bercerai. Berdasarkan faktor kesetiaan, ia dinilai berdasarkan item tidak komited kepada keluarga ($M=2.85$), tidak jujur kepada pasangan ($M=2.65$) dan berlaku curang ($M=2.64$).

Faktor seksual memang dikaji kerana andaian umum mendapati perkara ini menyumbang kepada gejala perceraian dalam kalangan suami isteri. Namun begitu, dapatan kajian menunjukkan item-item mengenai seksual walaupun ada tetapi mempunyai nilai min yang rendah. Ini boleh dilihat berdasarkan jadual berikut. Masalah kelamin mempunyai nilai min paling rendah iaitu 2.00, manakala ketagih bahan lucah mendapat nilai min paling tinggi iaitu 2.71.

Selain daripada faktor-faktor yang dinyatakan di atas, terdapat juga faktor lain yang menyumbang kepada perceraian dalam kalangan suami dan isteri. Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa faktor tambahan yang menyumbang kepada fenomena perceraian. Faktor ini dikaitkan dengan masalah sosial yang selalu melanda masyarakat masa kini.. Antaranya amalan minum arak (34.3%), suka berjudi (33.7%), amalan pinjaman along (27.7%), penyalahgunaan dadah (23.3%) dan perbuatan sihir (21.2%). Suatu yang menarik dapatan kajian ialah amalan sihir juga menyumbang kepada wujudnya fenomena perceraian dalam kalangan suami isteri. Ini menunjukkan perkara dan amalan negatif atau penyelewengan tingkah laku dalam kehidupan turut menyumbang kepada fenomena perceraian dalam kalangan suami isteri. Di sebalik perkara yang disebutkan, sebenarnya kesemua gejala ini mempunyai kaitan dengan kepatuhan dan kepercayaan seseorang terhadap amalan beragama.

Kajian ini juga mendapat maklum balas dari responden. Dalam soalan terbuka, seramai 118 responden memberi maklum balas berikut, iaitu:

1. Sikap pasangan (9)
2. Kecacatan dan kesihatan (12)
3. Agama (18)
4. Beban Kerja (37)
5. Komitmen terhadap keluarga (42)

Faktor-faktor yang menyumbang kepada kebahagiaan dan keharmonian dalam kalangan keluarga di negeri XYZ

Analisis ini adalah dalam kalangan responden yang berkahwin di negeri XYZ. Secara keseluruhannya tahap kebahagiaan dan keharmonian rumah tangga berada di tahap yang sederhana ($M=3.36$). Keputusan ini menunjukkan tahap kebahagiaan berada pada kedudukan yang agak baik di mana lebih separuh (56.9%) responden berada pada tahap yang sederhana dan 15% responden lagi pada tahap tinggi dan hanya 2% responden sahaja yang berada pada tahap rendah atau dengan kata lain tidak bahagia (lihat Jadual 2)

Berdasarkan hasil dapatan kajian (Jadual 30) dapat diuraikan bahawa, membuat pilihan yang tepat merupakan item tertinggi ($M=3.87$) yang dirasakan oleh responden sebagai faktor penentu kebahagiaan dan keharmonian rumah tangga. Oleh itu jika seseorang yang ingin berkahwin dapat memilih pasangan seperti yang diidamkan atau dikehendaki, akan lebih menjamin kebahagiaan dan keharmonian sesebuah rumah tangga. Secara tidak langsung apabila rumah tangga berada dalam suasana aman bahagia ($M=3.85$), maka pasangan tersebut akan tidak memikirkan untuk mengambil tindakan bercerai ($M=3.86$) walaupun kadang kala terdapat masalah kecil dalam rumah tangga namun masalah tersebut dapat diselesaikan. Pasangan yang bahagia juga akan sentiasa berada dalam keadaan ceria ($M=3.75$) di samping sering bekerjasama ($M=3.67$) mengendalikan sesuatu tugas kerana sebagai pasangan suami isteri bekerjasama dan lebih bertolak ansur adalah perlu dalam usaha untuk memahami antara satu sama lain dan mengekalkan kebahagiaan keluarga. Pasangan suami isteri juga harus saling sokong menyokong antara satu sama lain untuk mengukuhkan institusi sesebuah keluarga yang sering kali diuji dengan pelbagai masalah. Bertukar-tukar pendapat antara pasangan ($M=3.55$) juga penting walaupun sudah lama hidup bersama sebagai suami isteri. Selain dari itu hasil kajian juga menunjukkan bahawa setiap pasangan yang berkahwin harus berusaha menunjukkan kasih sayang terhadap pasangannya melalui sentuhan ($M=3.42$) seperti pelukan kerana faktor ini menjadi keperluan bagi kedua pasangan dalam usaha untuk mengekalkan kebahagiaan sesebuah rumah tangga. Jadual 2 juga menunjukkan pasangan yang menyesal dengan ikatan perkahwinan mereka adalah pada tahap

sederhana ($M=2.68$) begitu juga dengan mereka yang menyangka bahawa kehidupan berumah tangga tidak seindah diimpikan ($M=2.91$).

Dalam kajian ini terdapat tujuh faktor kebahagiaan dan keharmonian yang dikaji iaitu komunikasi, kewangan, kesetiaan, kekeluargaan, penderaan, seksualiti dan pengurusan konflik. Secara keseluruhannya, kesemua faktor ini menyumbang hanya sebanyak 11.7 peratus ke atas indeks kebahagiaan (Lihat Jadual 20). Walau bagaimanapun dapatan kajian menunjukkan hanya faktor kewangan ($\beta = -.132, p.000$), komunikasi ($\beta = -.153, p.001$) dan pengurusan konflik ($\beta = -.096, p.012$) mempunyai pengaruh ke atas indeks kebahagiaan yang paling signifikan. Ini bermakna ketiga-tiga faktor ini paling mempengaruhi kebahagiaan dan keharmonian rumah tangga responden.

Tidak dapat dinafikan kewangan memainkan peranan yang penting dalam sesebuah rumah tangga. Dengan kos hidup yang semakin meningkat kewangan menjadi satu keperluan hidup. Oleh itu, sesebuah rumah tangga yang menghadapi masalah kewangan boleh mendatangkan kesan yang buruk kepada rumah tangga tersebut. Dapatan kajian membuktikan bahawa kewangan merupakan faktor paling utama menyumbang kepada kebahagiaan dan keharmonian rumah tangga. Pasangan suami isteri perlu bijak berkomunikasi untuk menguruskan kewangan rumah tangga agar sentiasa berjalan lancar. Lantaran itu dapatan kajian juga menunjukkan faktor komunikasi sebagai penyumbang kedua penting dalam kebahagiaan rumah tangga. Ini adalah kerana komunikasi dalam alam rumah tangga sangat perlu antara pasangan. Suami isteri mempunyai peranan masing-masing di dalam kehidupan rumah tangga. Mereka perlu tahu dan faham makna sebenar perkahwinan dan sentiasa berbincang dari hati ke hati apabila wujud sebarang masalah. Sebagai contoh, tugas untuk menguruskan rumah serta anak-anak. Dari itu keharmonian rumah tangga terletak pada kedua pihak. Berkomunikasi merupakan keperluan untuk pasangan suami isteri merasai apa yang dikehendaki oleh pasangan masing-masing. Komunikasi yang baik seperti memberi perhatian dengan apa yang diperkatakannya membuatkan pasangan rasa dihargai. Beri ruang kepada pasangan untuk meluahkan pandangan dan jadi pendengar yang baik kepada pasangan juga dapat merapatkan lagi hubungan antara kedua pihak. Jika tiada komunikasi antara pasangan banyak masalah yang akan timbul dari situ. Dari itu untuk menjamin kebahagiaan dan keharmonian rumah tangga, pasangan harus meluahkan segala masalah yang dihadapi atau dirasai dan berbincang secara terbuka agar konflik yang dialami dapat ditangani dengan cara yang paling sesuai. Konflik adalah bahagian yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan berkeluarga (Patricia Noller dan Mary Anne Fitzpatrick, 1993). Namun jika pasangan bijak mengurus konflik maka keharmonian rumah tangga dapat dipelihara. Ini diakui oleh hasil kajian yang menunjukkan responden menyatakan bahawa pengurusan konflik dalam rumah tangga sangat penting bagi menjamin kebahagiaan pasangan. Selalunya konflik dalam rumah tangga boleh bermula dengan berbagai perkara di antaranya masalah kewangan dan juga komunikasi seperti yang telah dinyatakan di atas.

Faktor-faktor lain seperti, kesetiaan ($\beta = -.072, p.068$), kekeluargaan ($\beta = -.032, p.426$), penderaan ($\beta = -.052, p.153$) dan seksualiti ($B = -.063, p.079$) walaupun tidak signifikan tetapi kesemua faktor ini turut mempengaruhi kebahagiaan dan keharmonian rumah tangga. Ini menunjukkan bahawa tiada satu faktor pun yang mempunyai hubungan yang kuat dalam menjelaskan punca kebahagiaan dan keharmonian rumah tangga. Jika di teliti pada Jadual 3, faktor-faktor ini hanya menyumbang 11.7 peratus sahaja kepada kebahagiaan dan keharmonian rumah tangga. Peratusan kecil ini memberi gambaran bahawa terdapat faktor-faktor lain yang tidak termasuk dalam kajian ini yang berkemungkinan menyumbang kepada kebahagiaan dan keharmonian rumah tangga responden.

KESIMPULAN

Sungguhpun kajian ini cuba menilai pelbagai faktor dan kaitannya dengan kebahagiaan dan keruntuhan rumahtangga tetapi tiada faktor yang secara total dalam menjelaskan kenapa ia berlaku. Walaupun terdapat terdapat 3 faktor yang mempunyai hubungan yang kuat di dalam menjelaskan punca kebahagiaan dan keruntuhan rumahtangga iaitu faktor kewangan ($\beta = -.132, p.000$), komunikasi ($\beta = -.153, p.001$) dan pengurusan konflik ($\beta = -.096, p.012$) tetapi ia berada pada tahap yang lemah. Faktor-faktor lain seperti tahap pendidikan, kursus pra perkahwinan, tempoh perkahwinan, keizinan dan restu keluarga, latar belakang keluarga, kesetiaan, percintaan sebelum atau selepas berkahwin yang selama ini dikatakan menjadi faktor utama mempengaruhi kebahagiaan dan keruntuhan rumahtangga tidak dapat dibuktikan melalui kajian ini. Ini menjurus kepada kesimpulan bahawa isu kebahagiaan dan keruntuhan rumah tangga adalah isu yang kompleks yang hanya dapat ditangani dengan melihat isu ini secara holistik dan diatasi dengan langkah-langkah yang menyeluruh. Setiap satu faktor jika tidak ditangani dengan baik berpotensi menjadi faktor peruntuh sesebuah rumah tangga pada bila-bila masa.

Dapatan kajian ini turut menunjukkan kecenderungan untuk bercerai adalah pada tahap membimbangkan. Data yang diperolehi menunjukkan sebanyak 47.2% berada pada tahap sederhana,

34.9% pada tahap tinggi dan hanya 17.2% pada tahap rendah dalam kecenderungan untuk bercerai. Boleh dijangkakan kadar perceraian akan terus meningkat sekiranya langkah-langkah yang komprehensif dan sistematik tidak diambil. Faktor utama walaupun lemah dalam menjelaskan fenomena ini adalah faktor kewangan. Faktor-faktor lain yang dinyatakan oleh lebih 20% responden setiap satunya (Dadah, Arak, Judi, "Along" dan Sihir) memberi gambaran betapa tekanan hidup hari ini menyebabkan institusi keluarga menjadi mangsa keadaan.

RUJUKAN

- Ali husain Muhammad Makki al-Amili (2001). *Penceraian Salah Siapa? Bimbingan Islam dalam Mengatasi Problematika Rumah tangga*. Penerbit Lentara. Jakarta.
- Dr. Kamil Musa (2010) *Panduan Mencari Suami Soleh dan Isteri Soleh*. Al hidayah House of Publishers Sdn Bhd. Batu Cave, Selangor.
- Ustad Johari Yaman (2011) *Pahit Manis Perkahwinan*. Crescent News (K.L) Sdn Bhd. Batu Cave, Selangor.
- Muhammad Usman Al-Khusti (2009) *Petua Kebahagiaan Rumah tangga*. Darul Nu'man. Litmus Print Sdn Bhd. Seri Kembangan, Selangor.

Jadual 1: Min Keseluruhan Setiap Faktor

Faktor	Min	Tahap
Komunikasi	2.86	Sederhana
Pengurusan kewangan	2.74	Sederhana
Penderaan mental & fizikal	2.56	Sederhana
Ikatan kekeluargaan	2.80	Sederhana
Pengurusan Konflik	3.03	Sederhana
Kesetiaan	2.71	Sederhana
Seksual	2.41	Sederhana
Min keseluruhan	2.78	Sederhana

Jadual 2: Tahap Kebahagiaan Dan Keharmonian Rumah Tangga Berdasarkan Jumlah Responden

Tahap	Kekerapan	Peratusan
Rendah	20	2.0
Sederhana	569	56.9
Tinggi	159	15.9

Jadual 3: Indeks kebahagiaan dan keharmonian rumah tangga berdasarkan item.

Item	Min
Saya membuat pilihan pasangan yang tepat	3.87
Rumah tangga saya aman bahagia	3.85
Saya tidak pernah terfikir untuk bercerai	3.87

Kehidupan berumah tangga tidak seindah yang diimpikan	2.91
Ceria	3.75
Berbincang sesuatu dengan tenang	3.13
Bekerjasama mengendalikan sesuatu tugas	3.67
Bertukar-tukar pendapat	3.55
Keluar rumah bila bergaduh	3.14
Berselisih faham	3.19
Bersempua dengan pasangan bila berlaku konflik	3.08
Menyesal dengan ikatan perkahwinan ini	2.68
Menenteramkan pasangan	3.29
Memberi sokongan moral kepada pasangan	3.14
Menunjukkan kasih sayang dengan sentuhan	3.41
Min keseluruhan	3.36

Jadual 4: Faktor-faktor penyumbang kepada kebahagiaan rumah tangga.

Faktor	Beta (β)	Pvalue
Komunikasi	-.134	.001
Kewangan	-.132	.000
Penderaan	-.052	.153
Kekeluargaan	-.032	.426
Pengurusan konflik	-.096	.012
Kesetiaan	-.072	.068
Seksual	-.063	.079
R=0.117 F=13.996***		